



30 JUL, 2026

Perkukuh daya tahan infrastruktur tenaga, air negara

Harian Metro, Malaysia



Perkukuh daya tahan infrastruktur tenaga, air negara

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memeterai kerjasama strategik penting bagi memperkukuh kebolehpercayaan, daya tahan serta kemampanan infrastruktur tenaga dan air negara.

Kerjasama berkenaan dimeterai menerusi Perjanjian Pembekalan Elektrik (ESA) dan Perjanjian Pembekalan Tenaga Pendinginan (CESA) bagi memperluas penyelesaian utiliti bersepadu yang meningkatkan kecekapan in-

frastruktur awam kritikal.

Langkah ini sekali gus menyokong aspirasi negara ke arah kemampanan, peralihan tenaga serta jaminan keselamatan bekalan air secara berterusan dan cekap.

Menerusi perjanjian ESA, TNB akan membekalkan elektrik voltan tinggi kepada Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau di Kuala Langat, Selangor yang merupakan loji rawatan air terbesar di Asia Tenggara dengan kapasiti 1,400 juta liter sehari (MLD).

Apabila siap sepenuhnya menjelang 2031, loji berimpak tinggi ini dijangka mampu membekalkan air terawat bersih dan selamat kepada kira-kira 9.62 juta pengguna di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Perjanjian itu turut mencatatkan sejarah apabila menjadikan LRA Sungai Rasau sebagai loji rawatan air pertama di Malaysia yang menerima bekalan elektrik voltan tinggi secara terus pada 132kV.

Sementara itu, menerusi perjanjian CESA, anak

syarikat milik penuh TNB, TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) akan membekalkan perkhidmatan Gas District Cooling kepada fasiliti Air Selangor di Jalan Pantai Baharu, di sini, dengan tempoh konsesi selama 20 tahun.

Pembabitan ini menjadikan Air Selangor sebagai syarikat utiliti air pertama di negara ini yang menggunakan perkhidmatan pendinginan lingkungan, sekali gus membolehkan fasiliti berkenaan menikmati kebolehpercayaan sistem dan kecekapan

operasi berbanding sistem konvensional.

Majlis pertukaran perjanjian itu disempurnakan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad bersama Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali.

Pertukaran dokumen berkenaan disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Fadillah Yusof serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.